



**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**

**KERJASAMA TEKNOLOGI BERSAMA MICROSOFT UNTUK  
PEMBANGUNAN BELIA ORANG ASLI**

1. Dalam lawatan kerja saya ke Washington, Amerika Syarikat, saya telah bertemu dengan Microsoft bagi membincangkan kerjasama membabitkan pembangunan infrastruktur dan program pembangunan modal insan yang menjurus kepada penggunaan teknologi semasa dalam memperkasakan belia Orang Asli di Malaysia.
2. Inisiatif dan program ini akan dilaksanakan dengan jalinan kerjasama antara Microsoft dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Human Resource Development Corporation (HRD Corp), yang telah mempunyai jalinan rangkaian dengan komuniti Orang Asli.
3. Kerjasama ini akan menggabungkan kekuatan kedua-dua organisasi dalam memperkasakan belia Orang Asli menerusi penggunaan teknologi yang akan meningkatkan kemahiran serta keupayaan berfikir.
4. Sasaran utama pelaksanaan program dan inisiatif ini untuk menggalakkan para belia khususnya komuniti Orang Asli untuk menambahbaik diri mereka secara proaktif. Ini secara tidak langsung akan membuka peluang kepada belia Orang Asli untuk menempatkan diri mereka dalam dunia pekerjaan dan keusahawanan.
5. Oleh yang demikian, sebagai permulaan kepada inisiatif ini, saya telah meminta HRD Corp untuk melaksanakan satu projek perantis (pilot project) untuk belia Orang Asli di Tapah, Perak memandangkan organisasi ini telah mempunyai pangkalan kukuh untuk beroperasi. Projek ini dijangka memberikan manfaat kepada kira-kira 100 keluarga Orang Asli di Tapah.
6. Projek ini kemudiannya akan diperluaskan kepada seluruh masyarakat Orang Asli.

7. Saya yakin dan percaya kerjasama antara HRD Corp dan Microsoft ini akan memberikan manfaat kepada komuniti Orang Asli menerusi program berimpak tinggi membabitkan segmen teknologi.

**DATUK SERI M. SARAVANAN**

**MENTERI SUMBER MANUSIA**

**14 MEI 2022**